# UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN, DI UPACARA PERESMIAN BANDAR BARU, SEBERANG JAYA, PULAU PINANG, PADA 11HB OKTOBER, 1976, JAM 11.10 PAGI

1. Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang
dan Puan Lim,

2. Y.B. Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri,

Para Tetamu yang terhormat,

Tuan-tuan dan Puan-puan, para hadirin sekelian,

---

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terimakasih di atas kesudian Kerajaan Negeri menjemput saya meresmikan bandar baru Seberang Jaya pada pagi ini. Demikian juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri, khasnya Perbadanan Pembangunan Negeri, atas initiatifnya mengusahakan bandar baru yang menjadi pusat perusahaan dan juga kediaman.

..2/-

2. Pertumbuhan bandar-bandar baru, bukan sahaja terdapat di Pulau Pinang, malah di beberapa buah negeri yang lain di Malaysia, dan perancangan serta pelaksanaan mewujudkan banyak lagi bandar-bandar baru, sedang diusahakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

3. Hasrat Kerajaan mengadakan pembangunan bandar-bandar baru, ialah untuk menyusun semula masyarakat Malaysia serta juga membasmikan kemiskinan, tanpa mengira kaum, dengan memberi peluang-peluang pekerjaan kepada mereka.

4. Saya suka mengatakan bahawa pelaksanaan bandar baru Seberang Jaya, ialah hasil keputusan Kerajaan Pusat supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengkaji kemungkinan mengadakan kawasan-kawasan pembangunan baru di Seberang Perai, terutamanya di kawasan-kawasan yang tertinggal. Saya amatlah gembira bahawa Kerajaan Pulau Pinang telah melaksanakan keputusan tersebut dengan pertumbuhan bandar baru Seberang Jaya, seperti yang sama-sama kita saksikan ini.

5. Setahu saya, pembangunan bandar baru Seberang Jaya ini, ialah bandar baru kedua, di Pulau Pinang. Saya yakin, dengan

adanya penyertaan penduduk-penduduk Pulau Pinang, khasnya Bumiputra di luarbandar, dalam rancangan ini, terdapatlah di Seberang Jaya ini dalam satu jangka masa nanti, pertumbuhan satu golongan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputra ~~di samping~~ ~~dan juga bersamaan~~ bersama2 dengan golongan yang rakyat Malaysia yang lain. ~~di Seberang Jaya~~.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Seperti yang telah kita dengar tadi tentang latar belakang bandar baru ini, Seberang Jaya ini adalah terletak di ~~atas~~ dalam satu kawasan hampir 12 ribu ekar, ~~adalah~~ dan dijangka akan mempunyai penduduk seramai 150 ribu orang dalam masa 10 tahun akan datang. Ini merupakan

satu perkembangan yang pesat yang mempunyai implikasi politik dan sosial, tetapi mengandungi potensi ekonomi yang tinggi.

7. Pada hemat saya, ada tiga faktor penting yang boleh memainkan peranan utama, dalam pencapaian matalamat pertumbuhan Seberang Jaya ini. Faktor pertama ialah, Seberang Jaya ini adalah terletak di antara dua kawasan perindustrian yang pesat perkembangannya, iaitu Perai dan Mak Mandin. Bandar baru ini akan menjadi sebuah metropolis pertumbuhan di sebelah ~~ini~~ seri negeri Pulau Pinang ~~metropolisi baru dan kosmopolitan dalam sifatnya.~~ dengan mempunyai pembangunan sosio-ekonomi nya tersendiri.

8. Faktor kedua, ~~ialah dengan adanya satu~~ ia akan mempunyai satu kumpulan yang besar tenaga pekerja yang berpelajaran serta motivated. ~~golongan pekerja-pekerja mahir dan berpelajaran, dapatlah mereka menyumbang tenaga dalam~~

~~pembangunan Seberang Jaya khasnya, dan perkembangan ekonomi negara amnya~~.

9. Faktor ketiga ~~ialah~~, ~~dengan adanya~~ adanya kemudahan-kemudahan infrastruktur yang kukuh, seperti kemudahan² Telecoms dan ~~kemudahan-kemudahan~~ pengangkutan di bandar baru ini, ~~dapatlah~~ dan juga di kawasan-kawasan berdekatan ~~seperti~~ iaitu Perai dan Butterworth. ~~merasakan nikmatnya~~. Semua faktor-faktor tersebut, sudah pasti akan dapat memesatkan lagi pertumbuhan bandar baru Seberang Jaya ini.

10. Saya sukacita mendapat tahu bahawa setakat ini, peringkat pertama bandar baru ini sudahpun selesai. Peringkat pertama yang siap awal tahun ini, mengandungi 313 rumah teres dan

rumah berkembar yang dijual kepada penduduk semua gulungan — a wide cross-section of the people. Saya difahamkan bahawa penduduk-penduduk yang akan tinggal di Seberang Jaya ini, bukan sahaja datang dari kawasan berdekatan Seberang Perai, bahkan ada juga yang datang dari Pulau Pinang. Dari segi 'response' penduduk ini adalah satu tanda baik bagi Kerajaan Negeri mengadakan lebih banyak kawasan dan kemudahan perumahan yang juga mengandungi kemudahan perdagangan dan perindustrian serta kemudahan sosial yang lain, supaya matlamat negara dapat dicapai dengan lebih memuaskan.

11. Sekalipun kita ~~boleh~~ berbangga dengan perkembangan ini, serta **kemajuan** selanjutnya, saya inginlah mengingatkan ia-itu dalam perancangan yang akan datang, perimbangan tertentu hendaklah diadakan di antara kedua kawasan ~~sektor~~ iaitu Seberang Perai dan Pulau Pinang, ~~sendiri~~ supaya tidak berlaku penghijrahan, ~~penghijrahan~~ khasnya orang Melayu,dari Pulau Pinang ke Seberang Perai ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

12. Selain daripada peringkat pertama bandar baru ini, saya diberitahu bahawa ~~percaya~~ Kerajaan Negeri ada lagi ~~mempunyai~~ program untuk membena ~~menyediakan~~ lebih banyak lagi unit-unit perumahan berbentuk rumah-

rumah pangsa, jenis sederhana, ~~untuk golongan~~ dan rumah² kerana gulongan berpendapatan rendah. Target perumahan awam di Pulau Pinang, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, ialah hampir 5 ribu unit.

13. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebagai ejen utama Kerajaan Negeri, ~~dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru~~ akan juga menyediakan kemudahan perdagangan dan perniagaan serta juga kemudahan rekreasi dalam tempuh ini. Perbadanan tersebut ~~telahpun merancangkan pelaksanaan~~ akan membena 12 'lock-up shops' untuk ~~menemui~~ memenuhi kehendak-kehendak penduduk peringkat pertama sekim perumahan ini, serta satu komplex lima tingkat untuk kemudahan perdagangan dan ~~perumahan~~ kediaman. Saya ~~ingin mengingatkan~~ berharap supaya

pembahagian ~~kompleks hendaklah~~ rumah² kediaman dan perniagaan itu benar-benar mencerminkan dasar Kerajaan supaya tidak menimbulkan masaalah² ~~politik~~ di kemudian hari.

14. Di bawah rancangan ini juga, saya sukacita mendapat tahu bahawa Perbadanan ~~juga akan melaksanakan satu~~ telah juga merancang sebuah komplex hospital, sebuah balai polis, ~~satu~~ sebuah stesyen bomba, sebuah mahkamah, Komplex Pejabat Kerajaan, sekolah, bangunan-bangunan ugama dan juga kemudahan-kemudahan rekreasi. Semuanya ini ~~diharapkan~~ akan memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk ~~, dalam bandar baru Seberang Jaya ini~~ baharu di bandar ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Walaupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat yakin tentang pembangunan Seberang Jaya, dalam tempuh 10 tahun akan datang, saya sukalah menyeru supaya penyertaan bumiputra dalam setiap aktiviti di dalam bandar baru ~~Seberang Jaya~~ ini, ~~tidak diabai-abaikan~~ diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya. Saya berharap Kemudahan yang bakal disediakan, perlu diberi kepada bumiputra tanpa banyak kerumitan dan setiap masaalah mereka hendaklah diberi pertimbangan yang sewajarnya. Saya yakin dan percaya bahawa golongan bumiputra Pulau Pinang khasnya, akan ~~merebut~~ mengambil dan menggunakan peluang yang disediakan itu dengan sepenuh² nya. ~~supaya satu masyarakat yang betul-betul menggambarkan masyarakat Malaysia yang padu dan harmonis dapat diwujudkan.~~

16. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya inginlah ~~memberikan~~ mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pulau Pinang atas kecekapannya pada memberikan leadership dan juga menumpukan tenaga terhadap pembangunan dan usaha-usaha kemajuan. Adalah menjadi ~~rahsia umum~~ kenyataan bahawa Pulau Pinang adalah di antara negeri yang terkemuka dalam usaha pembangunan, ~~ini~~ dan semuanya ini ~~adalah~~ bolehlah dikatakan hasil dari kecekapan dan pimpinan Ketua Menterinya Dr. Lim Chong Eu.

17. Dalam pada itu, saya ingin juga menyatakan di sini, seperti yang saya telah sebutkan semalam, berkenaan dengan dasar Kerajaan mengenai perumahan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan adalah berusaha untuk mengadakan kemudahan-kemudahan

perumahan, dan memberikan incentive supaya
rakyat, khasnya yang berpendapatan rendah, dapat
~~kemudahan perumahan dapat disediakan untuk~~ rakyat,
mempunyai rumah kediaman.
~~khasnya golongan berpendapatan rendah~~. Akan tetapi, bukanlah menjadi kewajipan Kerajaan untuk mengadakan rumah yang cukup bagi tiap2 ~~semua~~ rakyat. Hakikat ini patutlah difahami oleh sebab ada pendapat yang mengatakan bahawa Kerajaan bertanggung jawab sepenuhnya bagi ~~pada~~ mengadakannya.

18. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih atas kehormatan yang diberikan kepada saya, ~~ini~~ dan dengan ini saya dengan sukacita ~~saya~~ meresmikan Bandar Baru Seberang Jaya.

Terimakasih.

---

ARKIB NEGARA MALAYSIA

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI

PENGARAH ARKIB NEGARA
ADHO
50/78
MALAYSIA
40/76
JUL 1978

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
AHO/U
MALAYSIA

No Siri 217
No. Penerimaan 27/78